

04/04/2000

Abdul Aziz bersedia jadi saksi kes liwat

KUALA LUMPUR, Isnin - Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin menarik balik permohonan mengetepikan sapina untuk beliau hadir sebagai saksi dalam perbicaraan kes liwat membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Peguam bela Abdul Aziz, Ng Aik Guan memberitahu perkara itu kepada mahkamah hari ini.

Sehubungan itu, Abdul Aziz tidak akan meneruskan permohonan untuk membantah pengeluaran sapina terhadapnya dan bersedia datang ke mahkamah jika dipanggil untuk memberi keterangan.

Bagaimanapun, Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin akan meneruskan permohonan untuk mengetepikan sapina yang dikeluarkan terhadapnya dan mahkamah menetapkan esok untuk mendengar permohonannya.

Sementara itu, Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Ariffin Jaka mengingatkan pasukan pembela supaya mencatatkan nama saksi setiap kali membuat permohonan untuk mendapatkan sapina dari mahkamah.

Beliau berkata demikian berikutan timbul kekeliruan mengenai kehadiran seorang pegawai dari Perbendaharaan sejak seminggu lalu, tetapi masih tidak dipanggil untuk memberi keterangan.

Katanya, beliau sendiri bertanya kepada pegawai berkenaan selepas melihatnya di luar mahkamah sejak minggu lalu dan pegawai itu memberitahunya berhubung pengeluaran sapina terbabit.

Apabila ditanya kepada Christopher Fernando berhubung kehadiran pegawai berkenaan, peguam bela Anwar itu memberitahu mahkamah bahawa pihaknya tidak memanggil saksi terbabit.

Fernando berkata, pihaknya mengemukakan permohonan sapina terhadap Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan yang mengetahui secara terperinci program Anwar ketika berada di Bangkok pada 1993.

Katanya, pegawai yang dihantar ke mahkamah itu tidak dapat memberikan butiran lengkap seperti yang dikehendaki oleh pembela.

Bagaimanapun katanya, beliau diberitahu oleh Anwar bahawa pegawai daripada Kementerian Luar Negeri mempunyai butiran lengkap program berkenaan.

Sehubungan itu, katanya, pasukan pembela memohon maaf kepada pegawai berkenaan berikutan kekeliruan itu.

Sebelum mahkamah ditangguhkan sehingga esok, Ariffin memanggil bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob; bekas Setiausaha Sulit Anwar, Mohd Azmin Ali dan Ziela Jalil berhubung pengeluaran sapina.

Ariffin memberitahu mereka bahawa mahkamah akan memaklumkan tarikh kehadiran mereka sehari sebelum diperlukan ke mahkamah.

Fernando pula memberitahu mahkamah bahawa pihaknya hanya akan memanggil saksi selepas semua permohonan pembela diputuskan oleh mahkamah.

Katanya, kini ada dua permohonan yang belum diputuskan iaitu, permohonan Daim untuk mengetepikan sapina dan hujah mengenai kehadiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke mahkamah sebagai saksi pembela.

Sementara itu, saksi pembela ke-19, pemandu limosin Jamal Abdul Rahman memberitahu mahkamah bahawa Anwar ada mendapatkan khidmat syarikatnya ketika berada di Washington.

Katanya, sekitar September 1998 seorang diplomat Kedutaan Malaysia di Washington, Mustaffa Ong memberitahunya berhubung penawaran wang jika beliau bersetuju membuat tuduhan seksual dan liwat terhadap Anwar.

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak menerima tawaran itu dan membuat aduan kepada Duta Malaysia ke Washington, Datuk Dali Mahmud Hashim.

Katanya, Dali menafikan pembabitan kedutaan dan dirinya berhubung tawaran Mustaffa itu.

Jamal berkata, beliau kemudian menghubungi seorang tokoh agama yang dikenali sebagai Sheikh Taha dari Universiti Northern Virginia untuk menceritakan tawaran Mustaffa itu.

Katanya, Sheikh Taha menasihatkannya membuat afidavit dan beliau bersetuju dengan cadangan itu.

Kepada soalan, Jamal berkata beliau ada datang ke Malaysia tahun lalu apabila dipanggil untuk memberi keterangan dalam kes rasuah Anwar.

Anwar, 52, dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 39, dituduh meliwat Azizan Abu Bakar di unit nombor 10-7-2, pangsapuri Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, di antara Januari hingga Mac 1993.

Bagi tuduhan itu, Anwar dan Sukma Darmawan didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Sukma Darmawan yang dihukum penjara enam bulan pada 19 September 1998 kerana membenarkan Anwar meliwatnya, juga didakwa atas tuduhan bersubahat dengan Anwar melakukan persetubuhan luar tabii dengan Azizan.

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun sejak 14 April tahun lalu selepas didapati bersalah atas empat tuduhan melakukan amalan rasuah pada 1997.

Perbicaraan bersambung esok.

(END)